



KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

TERIMA KASIH MALAYSIA!

Dimaklumkan bahawa tempoh kontrak perkhidmatan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM), Tan Sri Datuk Wira Dr. Haji Mohd Shukor Haji Mahfar akan berakhir pada 11 Disember 2016 (Ahad). Memandangkan tarikh tersebut merupakan hari cuti hujung minggu dan Hari Kelepasan Am sempena Hari Keputeraan Sultan Selangor. Maka hari ini, 9 Disember 2016 (Jumaat) secara rasminya beliau telah mengimbas pas pekerja buat kali yang terakhir sebagai kakitangan LHDNM.

Tan Sri Dr. Mohd Shukor Mahfar dalam ucapan majlis perpisahannya merakamkan kata-kata penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Malaysia, rakyat Malaysia dan kakitangan LHDNM dalam membantu beliau melaksanakan tugasnya dengan cemerlang sepanjang mentadbir LHDNM terutamanya dalam meningkatkan kutipan cukai langsung negara. Beliau juga mengharapkan rakyat Malaysia terus menyumbang kepada pembangunan negara melalui hasil cukai yang dibayar disamping mendoakan CEO LHDNM yang baharu berjaya memimpin LHDNM menjadi lebih cemerlang dalam membantu kerajaan merealisasikan setiap agenda pada masa hadapan.

Sebagai rekod, Tan Sri Dr. Mohd Shukor Mahfar telah berkhidmat di Jabatan Hasil Dalam Negeri/ Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (JHDN/LHDNM), selama 37 tahun iaitu sejak 12 Mac 1979. Bermula pada 8 Januari 2011 beliau dipilih sebagai CEO oleh Menteri Kewangan untuk memimpin LHDNM selama 5 tahun sehingga 11 Disember 2015. Atas kecemerlangan beliau menerajui LHDNM membuat kutipan cukai

melempi angka 100 bilion semenjak dilantik, kontrak beliau telah disambung selama satu tahun oleh kerajaan Malaysia sehingga 11 Disember 2016.

Antara rekod pencapaian beliau adalah seperti berikut:

- I. Yang Dipertua Badan Berkanun Malaysia
- II. Pengerusi The Commonwealth Association of Tax Administrators (CATA)
- III. Visionary Veteran Motivator of The Year' oleh Mc Millan Woods Global Awards 2016.
- IV. Global Lifetime Brand Icon In Taxation & Inland Revenue Agency Transformation Dari The Leaders – 2016.
- V. CEO of the year Asia, The European Emerging Markets Awards 2015
- VI. "Visionary Leader of the Year" for the Personality Class Category oleh Mc Millan Woods Global Awards – 2015.
- VII. "2015 Lifetime Achievement Award – Outstanding Contributions in Shaping People" oleh The Asia HRD Awards.

LHDNM mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan atas jasa dan bakti yang telah beliau curahkan. Semoga beliau terus berjaya pada masa hadapan.

Sebagai makluman, kerajaan Malaysia telah melantik YBhg Datuk Sabin bin Samitah, Timbalan ketua Pegawai Eksekutif (Operasi Percukaian), sebagai CEO baharu LHDNM berkuatkuasa 12 Disember 2016. Datuk Sabin, 56 Tahun, merupakan lulusan Ijazah Sarjana Muda Sains (dengan Kepujian) dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebelum melanjutkan pelajaran beliau ke peringkat Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan di Universiti Charles Stuart, Australia. Bapa kepada empat orang anak ini turut diiktiraf sebagai Penyiasat Cukai Bertauliah daripada Akademi Percukaian Malaysia, Bangi dan dilantik sebagai Felo kepada Chartered Tax Institute of Malaysia (CTIM).

Sepanjang lebih 30 tahun perkhidmatan beliau di Jabatan Hasil Dalam Negeri/Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (JHDN/LHDNM), beliau telah menjawat pelbagai jawatan Kenyataan Media LHDNM, 9 Disember 2016

seperti Pengarah Jabatan Pungutan, Pengarah Jabatan Siasatan, Pengarah Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) dan Timbalan Pegawai Eksekutif (Operasi Percukaian).

#

SEKIAN, TERIMA KASIH



Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat & Multimedia | Jabatan Khidmat Korporat |

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Hasil Care Line : 1-800-88-5436 (LHDN)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh : 9 Disember 2016



Gambar 1: YBhg.Tan Sri Dr. Mohd Shukor Mahfar menyerahkan watakah pelantikan dari Kementerian Kewangan Malaysia kepada YBhg. Datuk Sabin bin Samitah sebagai CEO baharu LHDNM.



Gambar 2: YBhg. Tan Sri Dr. Mohd Shukor Mahfar (dua dari kanan) mengimbas pas pekerja beliau sambil disaksikan oleh YBhg Datuk Sabin bin Samitah (kanan).



Gambar 2: YBhg. Tan Sri Dr. Mohd Shukor Mahfar bergambar bersama-sama dengan kakitangan LHDNM.



Gambar 2: YBhg. Tan Sri Dr. Mohd Shukor Mahfar melambai kepada kakitangan LHDNM buat kali yang terakhir di Ibu Pejabat LHDNM Cyberjaya.